

Pemikiran Sejarah Edward H. Carr

Oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Abstrak

Menurut Daniel Little, ahli falsafah berfikir perihal falsafah sejarah untuk mengetahui fitrahnya. Dengan memahami apa itu sejarah, kita dapat belajar sesuatu daripadanya. Kita dapat memahami apa yang menggerakkan sejarah, bagaimana pilihan-pilihan dahulu mencorakkannya, dan bagaimana keadaan dahulu berlaku hingga menyampaikan kita pada hari ini.[1] Namun perbahasan falsafah sejarah ini bercabang, mencapah dan terdiri dari pelbagai aliran. Jadi kita tidak mampu untuk memberikan satu definisi yang adil yang dapat merangkumi semua pendapat yang ada tentang sejarah. Dalam tulisan ini, saya akan meninjau satu pandangan sahaja perihal pengertian sejarah yang dapat membantu kita memahami satu cabang dari cabag-cabang falsafah sejarah. Pandangan yang akan ditinjau adalah pandangan Edward H. Carr. Tulisan ini merupakan kupasan isi-isi utama yang dibahaskan oleh E.H. Carr dalam bukunya *What is History?* Dalam penelitian ini akan diteliti maksud sejarah, skop kajiannya, metodologi yang digunakan dalam pengkajian sejarah, serta masa depan sejarah.

Kata kunci: Sejarah, Falsafah Sejarah, Pengertian Sejarah, Edward H. Carr.

Pendahuluan

Persoalan apa itu sejarah ada diterangkan oleh cendiakawan yang lahir di London pada 1892 iaitu Edward Hallett Carr melalui bukunya *What is History?* [2] Buku ini merupakan kumpulan syarahan beliau dalam siri Syarahan George Macaulay Trevelyan yang disampaikan di Universiti Cambridge dari bulan Januari hingga bulan Mac 1961. Carr memulakan bukunya dengan memetik kata-kata dari Lord Acton dalam *Cambridge Modern History* yang dengan yakin mengatakan bahawa satu hari nanti kita mampu menghasilkan sejarah yang lengkap kerana kita sudah mempunyai semua informasi dan mampu menyelesaikan semua persoalan. Keyakinan ini adalah berasaskan bahawa dokumen-dokumen yang merekodkan fakta, yang dihasilkan dan dikumpulkan pada zaman moden mampu memberikan kita pandangan yang lebih luas dan komprehensif perihal sejarah.

Namun selepas hanya 60 tahun, dalam edisi kedua *Cambridge Modern History*, George Clark mengkritik pandangan Acton perihal kemampuan manusia menghasilkan *ultimate history*. Baginya sejarah adalah proses tapisan dari satu sejarawan ke sejarawan seterusnya pada generasi terkemudian. Oleh itu, ia tidak akan membawa semua fakta ke masa hadapan. Sejarah di masa hadapan adalah sejarah baharu yang telah ditapis oleh penulisnya yang hidup pada zaman itu. Oleh itu bagi Carr, jawapan kepada persoalan utama tentang apa itu sejarah tidak boleh lari dari kedudukan masa orang yang menjawab soalan tersebut. Atau dalam kata lain, jawapannya berbeza mengikut zaman.[3]

---

[1] Little, Daniel, "Philosophy of History", The Stanford Encyclopedia of Philosophy (Winter 2020 Edition).
[2] E.H. Carr. *What is History*. Penguin Books, 1964.
[3] *Ibid.* Halaman 7-8

Kedudukan Fakta Dalam Sejarah

Abad ke-19 menyaksikan abad di mana ahli sejarah begitu berminat dengan fakta dan hanya mahukan fakta. Inilah yang menyebabkan Ranke pada tahun 1830-an menyerang mereka yang cuba membuat pengadilan moral ke atas sejarah. Bagi Ranke tugas ahli sejarah adalah memperlihatkan sesuatu seperti mana ia pernah terjadi dahulu, *wie es eigentlich gewesen*. Carr bagaimanapun mengkritik pandangan ini kerana ia memperlihatkan kemalasan untuk berfikir dan menggelarnya sebagai *cult of facts*.[4] Aliran positivisme dalam sejarah, menggunakan perkara ini bagi mengabsahkan posisi bahawa sejarah adalah sebuah sains. Falsafah positivisme merupakan falsafah yang diasaskan oleh Auguste Comte yang menolak spekulasi metafizik, sebaliknya menyatakan bahawa pengetahuan hanya berasal dari fakta dan pengalaman positif (boleh dibuktikan dengan pancaindera), juga penggunaan logik dan matematik di sebalik semua fakta.[5]

Bagi aliran emperikal, objek dan subjek kajian perlu dipisahkan secara *total*, iaitu fakta tanpa interpretasi. Dari sini menurut Carr, lahirlah pengertian sejarah *common sense* iaitu sejarah sebagai pengumpulan fakta dan data yang telah ditentukan dalam satu korpus.[6] Carr kemudian menerangkan bahawa bukan semua fakta yang ada pada masa lampau akan menjadi fakta sejarah. Di sini timbul soalan, apa yang dimaksudkan dengan fakta sejarah?

Bagi Carr, ahli sejarah perlu memastikan faktanya tepat, ia adalah penting dalam tugasnya, namun itu bukan fungsi asasinya. Perkara ini boleh dicapai menggunakan ilmu bantu yang lain seperti arkeologi, epigrafi, numismatik, kronologi, dan sebagainya. Contohnya dalam penentuan tarikh sesuatu peristiwa, ini semua merupakan bahan asas sejarah tetapi bukanlah sejarah yang sebenarnya. Namun siapa yang menentukan sesuatu fakta itu perlu dimasukkan? Inilah yang dikatakan oleh Carr bahawa ia adalah keputusan *a priori* oleh ahli sejarah. Dalam kata lain, bagi Carr, sesuatu fakta itu tidak dapat bercakap dengan sendiri, ia hanya boleh bercakap apabila ahli sejarah memanggil mereka, ahli sejarah yang menyusun agar sesuatu fakta itu duduk di posisi tertentu dan mengambarkan konteks tertentu. Ahli sejarahlah yang menentukan sama ada sebuah peristiwa itu signifikan atau tidak.[7]

Bagi Carr, ahli sejarah secara asasnya bersifat selektif. Oleh itu, kepercayaan bahawa sesuatu fakta itu boleh berdiri sendiri, wujud sendiri secara objektif, dan tidak terikat kepada tafsiran ahli sejarah adalah satu falasi yang mengarut.[8]

Bagaimana sesuatu fakta di masa yang lampau menjadi fakta sejarah? Dalam hal ini Carr menunjukkan bahawa ia terjadi melalui proses petikan. Di mana sesuatu fakta itu dipetik oleh seorang penulis sejarah dalam penulisannya. Kemudian jika ada ahli sejarah lain yang terus memetiknya dalam tulisan mereka, ia akan menjadi lebih dominan, dan statusnya sebagai sebuah fakta sejarah akan menjadi semakin tinggi apabila semakin banyak ia dipetik oleh ahli sejarah. Proses ini saya kira mirip dengan apa yang diterangkan oleh Edward Said dalam *Orientalism* tentang bagaimana karya Orientalis menjadi autoritatif. Ia akan dipetik, dan dipetik oleh sarjana Orientalis lain hinggalah apa yang ditulis itu menjadi masyhur dan autoritatif. Walaupun mungkin penulisan itu pada asalnya tidak tepat atau bias.[9] Apabila ia diulang berulang kali, ia mendapat bayangan seperti ia benar-benar objektif.

Oleh itu bagi Carr, walaupun kadang kala kita merasakan kita sudah mempunyai sejarah yang lengkap perihal sesebuah perkara (seperti Lord Acton yang dengan yakin menyatakan kita sudah mempunyai semua informasi), sebenarnya ia adalah sebuah ilusi. Mustahil kita ada semuanya, apa yang kita ada hanyalah apa yang telah dipilih oleh ahli sejarah untuk direkodkan.[10] Fakta yang kita ada ini terbatas pada perspektif

---

[4] *Ibid., hlm.* 9
[5] Muhamad Naim Hassan. *Auguste Comte dan Falsafah Positivisme: Tinjauan dan Kritikan.* Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
[6] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 9
[7] *Ibid.*, hlm. 11.
[8] *Ibid.*, hlm. 12.
[9] Edward W. Said. *Orientalism: Western Conceptions of the Orient*. Penguin Books, 1991. Lihat halaman 116-177.
[10] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 13

orang yang menulis atau mampu menulis pada ketika itu. Seorang hamba misalnya, yang hidup semasa zaman Mesir purba, tidak berkemampuan menulis, jadi perspektifnya tidak menjadi sejarah. Golongan istana pula yang mempunyai kemampuan menulis, merekod, dan memelihara fakta, perspektif mereka akan menjadi fakta sejarah. Oleh itu fakta yang kita ada bukanlah keseluruhan fakta.

"The dead hand of vanished generations of historians, scribes, and chroniclers has determined beyond the possibility of appeal the pattern of the past" tulis Carr.[11] Dalam kata lain, sejarah yang tidak lengkap inilah yang akhirnya menjadi sejarah. Ia tidak dapat diubah bukan kerana ia benar, tetapi bukti-bukti lain yang menggugat kebenarannya tidak ditulis dan tidak direkodkan.

Ketiadaan semua bukti ini sebenarnya memudahkan kerja-kerja pensejarahan. Kerana ahli sejarah hanya perlu memproses fakta-fakta yang ada. Jadi tugasnya menjadi lebih mudah, dia tidak perlu memproses lautan fakta, tapi sekadar rekod-rekod yang wujud. *"Ignorance simplifies and clarifies, selects and omits"*. Perkara ini benar pada ahli sejarah yang mengkaji zaman medieval, tetapi tidak pada ahli sejarah moden yang harus membangunkan *ignorance*-nya secara tersendiri. Kerana zaman moden ini penuh dengan fakta, tugas ahli sejarah menjadi lebih sukar untuk memilih dari fakta-fakta ini apa yang penting untuk diterima sebagai fakta sejarah, dan apa yang harus disisihkan.[12] Bayangkan apa yang dihasilkan setiap hari apabila semua manusia mampu menerbitkan pengalaman mereka di media sosial, memilih fakta sejarah menjadi lebih kompleks di era moden kerana fakta yang ada sudah bertambah berkali ganda.

Keghairahan kepada fakta, membawa kepada apa yang disebut oleh Carr sebagai *fethishism of docements*, iaitu menganggap dokumen itu sebagai satu benda yang sangat penting dan berharga buat sejarah. Tetapi bagi Carr, dokumen itu tidak lebih dari pemikiran pengarangnya. Baik diari, perjanjian, atau dokumen rasmi kerajaan, semuanya hanya perihal pemikiran penulis. Apa yang dia fikir telah berlaku, apa yang dia fikir akan berlaku, apa yang dia tahu dan apa yang dia mahu orang lain tahu bahawa dia tahu. Semua ini hanya berguna apabila seorang ahli sejarah itu telah memprosesnya, menafsirkannya, dan memilihnya sebagai sebuah fakta sejarah.[13] Oleh itu, fakta sejarah adalah fakta yang telah dipilih dan ditentukan oleh ahli sejarah sebagai fakta sejarah.

Memikirkan Falsafah Sejarah

Bagi Carr, soalan tentang apa itu sejarah amat penting kerana ia memberi jawapan kepada falsafah sejarah. Antara tokoh terawal mencabar fahaman yang terlalu mementingkan fakta dan meninggalkan falsafah sejarah adalah Wilhelm Dilthey dan kemudian disambung oleh B. Croce.[14] Bagi Croce semua sejarah adalah sejarah kontemporari, kerana semuanya melihat masa lalu dalam kaca mata hari ini dan dengan latar dan permasalahan hari ini. Menurut ahli falsafah Amerika, Carl Becker pula, fakta sejarah tidak wujud sehinggalah ahli sejarah menciptanya. Oleh itu ahli sejarah mempunyai peranan besar dalam menentukan apa itu sejarah. Idea Croce ini kemudian mempengaruhi ahli sejarah yang bernama R. G. Collingwood.

Menurut Collingwood falsafah sejarah bukanlah perihal perkara lalu, atau perihal ahli sejarah, tetapi hubungan antara keduanya. Sejarah yang dikaji oleh ahli sejarah bukanlah sejarah yang telah mati, tetapi dalam aspek tertentu ia masih hidup pada masa kini. Peristiwa yang telah berlaku menurut Collingwood, telah mati dan tidak berguna lagi untuk ahli sejarah melainkan jika dia dapat memahami pemikiran di sebalik peristiwa ini. Oleh itu Collingwood mengishtiharkan bahawa:

"All history is the history of thought, history is the re-enactment in historian's mind of the thoughts whose history he is studying".[15]

[11] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 14.
[12] *Ibid.*, hlm. 14.
[13] *Ibid.*, hlm. 16.
[14] *Ibid.*, hlm. 20.
[15] *Ibid.*, hlm. 21-22.

Pembentukan semula (*re-enactment*) ini perlulah menggunakan bukti-bukti emperikal, namun ia secara sendirinya bukanlah sebuah proses yang emperikal. Sebaliknya proses pembentukan semula inilah yang mengawal apa yang hendak dipilih dan bagaimana sesebuah fakta itu ditafsirkan. Dalam kata lain, sejarah adalah produk dari pengalaman ahli sejarah yang menulisnya. Di sini dapat kita fahami bahawa sejarah yang sampai kepada kita tidak pernah asli, sebaliknya ia adalah hasil dari tapisan orang yang merekodkannya (ahli sejarah). Oleh itu bagi Carr, setiap kali kita membaca sejarah, perkara pertama yang kita perlu lakukan adalah melihat siapa yang menulisnya.[16] Bagi Carr, jika ahli sejarah, seperti yang dikatakan Collingwood, perlu membentuk semula pemikiran lampau menggunakan bahan-bahan sejarah, tugas pembaca sejarah pula adalah membentuk semula pemikiran ahli sejarah yang menulisnya agar dia dapat memahaminya melalui lensa yang benar. *Study the historian before you begin to study the facts*. Sejarah adalah sebuah tafsiran. Oleh itu kita harus mengenali penafsirnya dahulu.[17]

Seorang ahli sejarah itu perlu mempunyai imaginasi perihal kefahaman dan pemikiran orang-orang yang ingin dikajinya. Jika tidak, ahli sejarah itu akan melihat subjek kajiannya dengan begitu prejudis, dia mungkin menyifatkan mereka sebagai kolot, mundur, kejam, dan sebagainya. Sejarah yang baik tidak dapat ditulis, jika penulisnya tidak memahami bagaimana orang yang dikajinya itu berfikir, dan apakah logik yang digunakan mereka.[18]

Walaupun ahli sejarah cuba memahami apa yang difikirkan oleh subjek kajian mereka, Carr berpendapat mereka tidak akan dapat memisahkan diri mereka dari zaman sekarang. Seperti kata Croce, semua sejarah adalah sejarah kontemporari. Ahli sejarah adalah anak kepada zamannya, bahasa yang digunakan adalah bahasa kontemporari, oleh itu ahli sejarah akan sentiasa menulis sejarah dari lensa masa kini. Ahli sejarah tidak bermukim di zaman lampau tetapi mukimnya adalah zaman kini. Setiap pilihan perkataannya akan menggambarkan pemikirannya, zamannya dan ideologinya sebagai seorang manusia.[19]

Jadi apakah tugas ahli sejarah? Bagi Carr tugas mereka adalah menguasai masa lampau, memahaminya agar kefahaman itu dapat digunakan untuk memahami masa kini. Pemikiran bahawa ahli sejarahlah yang mencipta sejarah adalah pemikiran sejarah mengikut Collingwood. Bagi Carr, pemikiran ini perlu ditelusuri dengan berhati-hati, kerana ada juga bahayanya. Terutamanya jika ia digunakan secara ekstrem, kita akan kehilangan objektiviti dalam sejarah. Ia akan melahirkan total *scepticism* di mana tiada satu kebenaran dalam sejarah, tetapi apa yang kita ada adalah banyak kebenaran. Siapa pun boleh berada dalam kebenaran, kebenaran itu banyak, infiniti, tiada yang lebih benar dari yang lain. Bagi Carr, kefahaman seperti ini tidak dapat diterima.[20]

Bahaya lain yang timbul dari kefahaman bahawa ahli sejarah melihat sejarah dari lensa masa kini, dan menggunakannya untuk masa kini, adalah bias dalam pemilihan fakta. Adakah sesuatu fakta itu akan dipilih, dan dirasakan benar, hanya jika ia dapat digunakan untuk masa kini? Adakah ilmu hanya akan dianggap ilmu jika ia dapat digunakan? Bagi Carr, ahli sejarah perlu membawa keluar semua fakta-fakta yang relevan perihal tema penulisannya dan juga perihal tafsiran yang diketengahkannya.[21]

Setelah diperbahaskan dikotomi ini, iaitu adakah sejarah itu kumpulan fakta yang berbentuk objektif, atau sekadar tafsiran sejarawan yang berbentuk imaginatif dan subjektif, Carr akhirnya membawa kita kepada jawapan pertama beliau berkenaan dengan soalan "Apakah itu Sejarah?". Jawapan beliau, sejarah adalah proses interaksi antara ahli sejarah dan fakta-faktanya, sejarah merupakan dialog antara masa lalu dan masa kini. Sejarah adalah satu proses penelitian, di mana ahli sejarah mencampurkan fakta-fakta dengan tafsiran-tafsiran, adunan dua perkara inilah yang menatijahkan sejarah.[22]

---

[16] *Ibid.*, hlm. 22.
[17] *Ibid.,* hlm. 23.
[18] *Ibid.,* hlm. 24.
[19] *Ibid.,* hlm. 25.
[20] *Ibid.,* hlm. 26.
[21] *Ibid.,* hlm. 27-28.
[22] *Ibid.* 29-30

Kaedah Penulisan Sejarah

Carr dalam buku ini turut menerangkan bagaimana dia menulis sejarah. Proses penulisan sejarah bukanlah satu proses yang linear seperti yang disangka oleh kebanyakan orang. Iaitu ahli sejarah membaca sumber-sumbernya, mengambil nota, kemudian selepas selesai membaca, dia mula menulis dari mula hingga tamat. Ini tidak berlaku bagi Carr. Bagi beliau, sebaik sahaja dia mula membaca sumber-sumber utama, tangannya tidak dapat ditahan lagi dari menulis. Dia akan mula menulis sama ada di bahagian awal, tengah atau akhir.

Bagi Carr, penulisan sejarah merupakan hubung kait antara pembacaan dan penulisan yang berlaku secara serentak dan bersama. Menulis akan membuatkan beliau membaca dengan lebih berfokus, lebih banyak menulis, beliau akan lebih tahu apa yang perlu dibaca. Jadi penulisan juga dicorakkan oleh pembacaan. Dalam proses ini penulisan ditolak, ditambah, dan dikembangkan. Sekali lagi, ia bukanlah sebuah proses yang linear. Dalam hal ini, kita tidak lagi melihat membaca dan menulis itu sebagai dua proses yang berbeza, sebaliknya ia adalah satu proses yang sama. Kaedah ini sangat penting, jika satu daripadanya diabaikan, ia boleh menjadi dua ekstrim. Sama ada sejarah yang ditulis berbentuk tampal-tampal dan compang-camping, atau sejarah itu ditulis tanpa panduan fakta, menggunakan imaginasi dan berbentuk propaganda.[23]

Pengaruh Masyarakat Dalam Sejarah

Dalam perbahasan penyebaban dalam sejarah, ada dibentangkan dua dikotomi. Adakah sesuatu perubahan dan peristiwa bersejarah itu berlaku disebabkan ketokohan seorang individu yang berjaya membimbing masyarakat ke arah perubahan? Atau perubahan itu berlaku disebabkan suasana masyarakat yang telah matang dan kondusif? [24] Pada bab yang kedua dalam buku *What is History?*, Edward Carr menyelami permasalahan ini dalam bab yang diberi tajuk *Society and the Individual*.

Carr mengkritik konsep manusia abstrak yang berdiri sendiri dan terpisah dari masyarakatnya. Bagi Carr, manusia yang dikaji oleh ahli sejarah tidak hidup dalam isolasi, segala tindak tanduknya mempunyai konteks sosial. Begitu juga ahli sejarah yang menulis sejarah, ahli sejarah tersebut adalah produk dari fenomena sosial, segala ilmu yang dikumpulkannya bukanlah hasil buah fikirnya seorang diri, sebaliknya merupakan projek kolektif manusia zaman berzaman.[25]

Apabila kita mengatakan bahawa sesuatu penulisan sejarah itu dipengaruhi oleh semangat zaman ketika penulis itu menulis sejarah, ini tidaklah bermakna bahawa ia menjadi satu produk penulisan sejarah yang lemah. Bagi Carr, penulisan sejarah yang hebat semestinya melihat masalah-masalah pada masa silam dengan menggunakan pengetahuan-pengetahuan baharu pada zaman semasa. Dalam kata lain, ia melihat bagaimana masalah-masalah pada masa lalu yang dapat disamakan dengan permasalahan hari ini untuk diberikan satu penyelesaian yang terpimpin.[26] Di sini kita melihat bahawa pemahaman Carr perihal dikotomi ini, bukan sahaja objek kajian tidak dapat dipisahkan dari konteks masyarakat, penulis sejarah juga tidak dapat dipisahkan dari semangat zamannya.

Oleh itu bagi Carr, kita tidak akan dapat meghargai satu penulisan sejarah jika kita tidak memahami konteks pada masa sejarah itu ditulis. Perspektif penulis sejarah akan sentiasa menampakkan latar sejarah dan sosial zamannya.[27] Jika kita memahami perkara ini, kita akan dapati bahawa bukan peristiwa-peristiwa sejarah sahaja yang berubah, penulis sejarah itu sendiri berubah sesuai dengan zamannya. Oleh itu, bagi memahami sesuatu penulisan sejarah, tidak cukup untuk kita mengetahui siapa yang menulisnya, kita juga perlu melihat tarikhnya, agar kita memahami konteks zaman di mana ia ditulis, dengan itu kita dapat memahami perspektif penulisan sesuatu bahan sejarah.[28]

---

[23] *Ibid.* 28-29.
[24] Syed Ahmad Fathi. "Perihal Penyebaban Dalam Sejarah." *Nota Pengajian Sejarah*, 2023.
[25] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 35.
[26] *Ibid.* 37.
[27] *Ibid.* 39-40.
[28] *Ibid.* 42.

Perkara ini akan lebih jelas jika kita meninjau penulisan sejarah sezaman, dan bukan sekadar satu penulisan sejarah sahaja. Kita akan mendapati ia ditulis dengan satu pola yang sama. Carr memberi contoh bagaimana sejarawan British menulis sejarah dengan pemahaman bahawa adanya perkembangan positif di dalamnya ketika British berada pada zaman kegemilangan. Namun apabila ia merosot, kefahaman bahawa sejarah mempunyai makna dan membawa kepada perkembangan yang baik menjadi satu kefahaman yang dianggap terpesong.[29] Oleh itu, bagi pelajar sejarah yang mahu memahami sejarah, dia perlu mengenali penulis sejarah. Tetapi sebelum dia dapat memahami penulis sejarah, dia haruslah meneliti latar belakang zaman penulis tersebut, terutamanya keadaan sosial ketika dia menulis.[30]

"History does nothing, it possesses no immense wealth, fights no battles. It is rather man, real living man who does everything, who possesses and fights" kata Karl Marx dalam *Marx-Engels: Gesamtausgabe*.[31] Carr bersetuju dengan kenyataan Marx ini, bagi beliau, manusialah yang akhirnya mencipta dan mencorakkan sejarah, Carr menolak faktor-faktor luar seperti takdir. Namun beliau juga menolak kefahaman bahawa sejarah digerakkan manusia dalam skala individu, sebaliknya sejarah berlaku apabila manusia mula bergerak secara beramai-ramai. Sejarah adalah *"a matter of numbers"*. Persis seperti apa yang diungkapkan Lenin bahawa *"politics begin where the masses are; not where there are thousands, but where there are millions, that is where serious politics begin"*.[32]

Carr tidak bersetuju dengan pendapat Collingwood yang menyatakan tugas ahli sejarah adalah mengkaji pemikiran disebalik tindakan yang menghasilkan peristiwa sejarah. Bagi Collingwood, pemikiran rasional individu yang menatijahkan peristiwa sejarah itulah yang penting untuk dikaji. Namun bagi Carr sudut ini tidak relevan, apa yang penting adalah faktor suasana yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan tersebut.[33] Pemikiran dan tindakan tidak lahir secara sepontan dalam isolasi, ada pengaruh zaman dan suasana sosial yang membentuknya.

Oleh itu, dalam hal penyebaban dalam sejarah ini, juga dalam penulisan sejarah, kita melihat Carr menolak teori manusia abstrak yang hidup dalam isolasi dan terpisah dari masyarakat, itu tidak wujud dalam sejarah. Beliau juga menolak pembatasan sejarah seputar kajian motif tindakan individu seperti yang difahami Collingwood. Sebaliknya bagi Carr, sejarah adalah interaksi antara masyarakat dahulu dan masyarakat kini. Kita hanya akan memahami masyarakat lalu dengan pemahaman masyarakat hari ini, dan memahami masyarakat hari ini dengan memahami masyarakat yang ada pada masa lalu.[34]

Penyebaban Dan Kaedah Menentukan Sebab Dalam Sejarah

Sejarah adalah bidang kajian yang mengkaji sebab musabab.[35] Oleh kerana sesetengah falsafah sejarah menolak *determinism*, perkataan "sebab" kadangkala dielakkan.[36] Ia diganti dengan terma-terma yang bersifat *functional* dan bukan *causal*, terma ini termasuklah penerangan, penafsiran, atau logik disebalik situasi dan peristiwa. Melalui perspektif *funtional*, ia bukan hendak menjawab soalan "kenapa" tetapi "bagaimana". Namun menurut Carr, walaupun ia cuba mengelak soalan "kenapa", dalam menjawab soalan "bagaimana" menggunakan penerangan, penafsiran dan logik, akhirnya ia tetap akan menjawab soalan kenapa sesuatu itu berlaku.[37] Oleh itu, memberi penyebaban tidak dapat dielakkan dalam sejarah.

Sesuatu peristiwa yang bersejarah itu mempunyai pelbagai sebab yang dapat dikaitkan dengannya. Ahli sejarah tidak boleh hanya memilih satu sebab secara eksklusif dan mengabaikan sebab-sebab yang lain yang turut mempengaruhi sesuatu kejadian sejarah. Namun ahli sejarah juga tidak boleh hanya mengumpul semua

---

[29] *Ibid.* 43.
[30] *Ibid.* 44.
[31] *Ibid.* 49.
[32] *Ibid.* 49-50.
[33] *Ibid.* 52.
[34] *Ibid.* 55.
[35] *Ibid.* 87.
[36] *Determinism* adalah fahaman bahawa semua perkara telah ditentukan oleh sebab di luar kebebasan manusia untuk memilih.
[37] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 88.

sebab-sebab ini, ahli sejarah perlu menyusun sebab-sebab ini dan memberikan prioriti yang berbeza kepada setiap sebab, dia perlu menyusun dalam bentuk hiraki bagi sebab-sebab yang dikumpulkannya.[38] Penyusunan hiraki sebab ini penting, kerana sebab yang dipilih sebagai sebab utama akan menjadi dasar kepada sebuah hujah sejarah.[39]

Jadi, inilah tugas ahli sejarah, iaitu mengumpulkan semua sebab-sebab yang relevan, kemudian melakukan ringkasan dengan memilih sebab yang utama. Dalam hal ini, kita melihat sejarah menggunakan dua proses yang saling bertentangan, iaitu dengan mencari kepelbagaian dan juga membuat generalisasi dan ringkasan.[40] Ahli sejarah menurut Carr adalah sama dengan manusia biasa, mereka mempercayai bahawa perilaku manusia mempunyai sebab, dan sebab ini dapat ditentukan, sejarah adalah seperti kehidupan harian, jika anggapan ini tidak dilakukan, mustahil sejarah atau kehidupan normal dapat berfungsi.[41] Cuba kita fikirkan sejenak, adakah semua yang berlaku di sekeliling kita merupakan fenomena rawak dan tidak bersebab? Jika pernyataan ini benar, maka kehidupan harian tidak dapat berfungsi dan semuanya akan menjadi tunggang langgang. Contohnya jika seorang manusia membunuh manusia lain, kita tidak boleh menghukum pembunuh itu kerana dia tidak membunuh dengan sebab, sebaliknya ia adalah kejadian yang terjadi secara rawak. Pastinya ini tidak logik dan tidak dapat diterima akal.

Carr juga menolak hujah bahawa peristiwa-peristiwa sejarah berlaku dengan sebab-sebab yang tidak sengaja, kebetulan, atau disandarkan atas sebab-sebab yang remeh-temeh. Bagi Carr, pemikiran seperti ini adalah serangan kepada sejarah.[42] Contoh utama kepada pemikiran seperti ini adalah kes 'hidung Cleopatra'. Blaise Pascal sebagai contoh, mengatakan bahawa jika hidung Cleopatra lebih pendek, seluruh aspek kehidupan di dalam dunia ini akan berubah. Pemikiran seperti ini mempercayai bahawa perkara-perkara yang remeh dan kecil dapat memberi kesan yang besar pada perjalanan sejarah yang kompleks. Ia juga sering disebut sebagai *the science of chaos*.[43] Kefahaman yang menyandarkan penyebaban sejarah pada perkara yang remeh-temeh ini menjadikan sejarah seolah-olah tidak signifikan dan bermakna.

Oleh itu, Carr bertanyakan soalan bagaimana kita dapat menentukan dalam sejarah sebab musabab yang logikal dan seimbang? Yang tidak remeh-temeh di mana sebab yang kecil diangkat sebagai sebab yang mengubah perjalanan sejarah. Dalam kata lain, bagaimana kita mahu mencari penyebaban yang membuatkan sejarah itu bermakna?[44]

Seperti yang telah kita bahaskan, Carr percaya bahawa perspektif ahli sejarah bergantung kuat pada masyarakatnya, ahli sejarah adalah produk masyarakat. Oleh itu perspektif bahawa sejarah itu tidak bermakna, dan penyebaban disandarkan pada sebab yang remeh temeh lahir dari ahli sejarah yang mana keadaan masyarakat, bangsa, dan negaranya dalam keadaan keruntuhan. Falsafah mereka adalah berdasarkan bahawa kehidupan itu sendiri tidak punya makna, seperti yang ditulis Sarte bahawa "kewujudan itu tidak mempunyai sebarang makna dan keperluan".[45] Falsafah bahawa kewujudan itu tidak bermakna membawa kepada perspektif bahawa sejarah juga tidak bermakna.

Menurut Trotsky, walaupun sejarah berkembang melalui sebab-sebab yang bersifat remeh dan kebetulan, tetapi ia sebenarnya terhasil dari satu hukum sejarah, beliau menggunakan analogi biologi dengan mengatakan bahawa hukum sejarah itu terhasil dari pemilihan rawak (*natural selection*) terhadap sebab-sebab yang bersifat kebetulan.[46] Walau apa pun justifikasi dan analogi yang digunakan, Carr tetap menolak penyebaban yang disandarkan kepada kebetulan, orang sebegini menurut Carr merupakan orang yang malas

---

[38] *Ibid.* 89-90.
[39] *Ibid.* 90.
[40] *Ibid.* 91.
[41] *Ibid.* 95.
[42] *Ibid.* 98.
[43] Liveley, Genevieve. "Cleopatra's Nose, Naso and the Science of Chaos." *Greece & Rome* 49, no. 1 (2002): 27-43.
[44] E.H. Carr. *What is History?,* hlm 99.
[45] *Ibid.* 100.
[46] *"historical law is realized through the natural selection of accidents"* ujar Trotsky.

berfikir dan tidak mempunyai kekuatan intelektual untuk membuat penyelidikan.[47] Ahli sejarah yang baik menurut Carr adalah ahli sejarah yang mampu melihat bahawa sesuatu kebetulan itu sebenarnya dapat diberi penerangan yang rasional. Namun ini bukan jawapan yang memuaskan. Bagi Carr, masalah penentuan sebab yang logikal, seimbang, dan bermakna ini sama dengan situasi hubungan antara ahli sejarah dan fakta sejarah. Dalam masalah penyebaban, ahli sejarah dan sebab sejarah mempunyai hubungan yang sama, masing-masing saling mempengaruhi.[48] Dalam kata lain, ahli sejarahlah yang perlu memilih sebab yang paling rasional dan menjadikan sejarah itu sesuatu yang bermakna dan boleh diambil pelajaran daripadanya.

Sejarah adalah proses pemilihan sebab-sebab yang signifikan, ia adalah sistem yang selektif. Ahli sejarah perlu memilih sebab-sebab yang dirasakan signifikan dan paling tepat yang mewakili realiti. Piawaian atau pun *standard* yang digunakan dalam menentukan apa yang signifikan adalah kemampuan ahli sejarah itu sendiri dalam usahanya untuk menjadikan sebab itu dapat menerangkan dengan rasional tafsiran sejarah yang dibuatnya terhadap fakta-fakta yang ada. Ahli sejarah juga perlu membuang sebab-sebab yang tidak relevan, bukan kerana ia tidak memberi kesan langsung kepada perjalanan sejarah, ia dikira sebagai tidak relevan kerana ia tidak dapat memberi satu penerangan yang rasional dan bermakna, ia tidak mampu digunakan untuk masa kini.[49] Apa yang dianggap relevan dalam sejarah adalah sesuatu yang rasional yang dapat digunakan dalam situasi sejarah yang lain.[50] Sebab yang rasional ini dapat dilakukan generalisasi yang bermakna ke atasnya, kita dapat mengambil pengajaran darinya dan ia membuatkan pemahaman kita menjadi lebih dalam.[51]

Historicism* dan *Determinism

Menurut Carr, Karl Popper telah menulis dengan nada yang begitu kritikal terhadap falsafah sejarah yang bersifat deterministik yang dipelopori oleh Hegel dan Marx, falsafah yang bersifat deterministik ini telah dikumpulkan bersama dan dinamakan *historicism*.[52] Menurut Popper dalam tulisannya yang bertajuk *The Poverty of Historicism*, *historicism* menekankan bahawa sifat dan tujuan sejarah adalah untuk membuat jangkaan perihal apa yang akan berlaku di masa hadapan.[53] Bagi Popper, *historicism* membuatkan bidang sains sosial terkebelakang dari pengajian sains lain.

Carr mendefinisikan *determinism* sebagai pandangan yang mengatakan bahawa setiap yang berlaku itu mempunyai sebab, ia tidak boleh terjadi dengan berbeza melainkan sebab yang menyebabkannya itu berbeza. Masalah *determinism* ini bukanlah unik kepada sejarah, ia adalah masalah yang merangkumi semua tindak tanduk manusia. Bagi Carr, kepercayaan bahawa setiap yang berlaku mempunyai sebab adalah sesuatu yang fundamental, satu aksiom kepada kebolehan kita untuk memahami apa yang berlaku disekeliling kita.[54]

Adakah Sejarah Sebuah Sains?

Perbahasan perihal falsafah sejarah, iaitu persoalan bahawa adakah ia merupakan sebuah sains bukanlah satu perbahasan yang baharu. Ia bukanlah perbahasan yang lahir di Eropah. Al-Farabi dan Ibnu Sina misalnya, yang menggunakan klasifikasi sistem ilmu dari Aristotle mengatakan bahawa sejarah bukanlah sebuah sains. Ia adalah kejadian yang berbentuk individu pada sesebuah masa dan tidak bersifat universal. Walaubagaimanapun, perkara ini tidak dipersetujui oleh pemikir terkemudian, contohnya Muhammad Ibn Ibrahim Iji dari Shiraz yang menulis pada abad ke-15. Baginya sejarah adalah sains, ia adalah ilmu perihal perkara yang telah berlaku dengan tetap pada masa lalu, yang mana dibawa ke masa hadapan melalui

---

[47] E.H. Carr. *What is History?,* hlm 102.
[48] *Ibid.* 103.
[49] *Ibid.* 105.
[50] *Ibid.* 106.
[51] *Ibid.* 107
[52] *Ibid.* 91.
[53] Popper, Karl. "The Poverty of Historicism, I." *Economica* 11, no. 42 (1944): 86–103.
[54] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 93-94.

pengkajian sejarah. Perkara ini turut dipersetujui oleh pemikir seterusnya, misalnya Al-Kafiyaji di Kaherah yang menyatakan bahawa sejarah merupakan sains seperti mana sains lain.[55]

Dalam buku *What is Hostory?* E. H. Carr memperdalamkan lagi perbahasan perihal isu ini. Bagi Carr, beliau tidak begitu mempedulikan hal yang berkaitan klasifikasi ilmu kerana ianya berubah mengikut zaman. Pada zaman Newton misalnya, alam ini dikatakan bersifat mekanikal. Ini dapat kita lihat melalui pemikiran Rene Decartes.[56] Dengan terbitnya teori evolusi Darwin, masyarakat mula dinisbahkan sebagai satu organisma biologi.[57] Di sini kita melihat bagaimana paradigma manusia melihat masyarakat itu berubah, begitu juga pandangan kepada sejarah, ia berubah seiring dengan perubahan paradigma yang melihatnya.

Dalam menulis sejarah, ahli sejarah akan memecahkan subjeknya kepada beberapa era, diberi gelaran kepada setiap period zaman. Misalnya zaman pra-sejarah, zaman klasik, zaman pertengahan, zaman gelap, zaman moden, dan lain-lain. Bagi Carr, klasifikasi zaman ini bukanlah sebuah fakta, tetapi merupakan alat bantu bagi memudahkan kita berfikir tentang sejarah.[58] Oleh itu, klasifikasi sejarah sebagai sains juga merupakan cara untuk membantu kita berfikir bagaimana hendak dilakukan pengkajian. Carr menyenaraikan hujah-hujah yang digunakan dalam menolak klasifikasi ilmu sejarah sebagai sebuah sains. Antaranya:

1. Sejarah membincangkan hal unik, manakala sains membincangkan hal umum.
2. Sejarah tidak mengajar apa-apa.
3. Sejarah tidak dapat membuat tilikan (*prediction*).
4. Sejarah bersifat subjektif kerana manusia memerhatikan dirinya.
5. Sejarah merupakan persoalan agama dan moraliti.[59]

Bagi Carr, kita tidak dapat menafikan bahawa sejarah memang melakukan generalisasi, iaitu mengambil satu perkara yang unik dan menafsirkannya bagi kegunaan umum. Bagi Carr, ini adalah sebahagian dari dikotomi dalam sejarah, seperti mana kita tidak dapat memisahkan fakta dan intepretasi, begitu jugalah halnya perihal sesuatu yang unik dan umum, sejarah adalah interaksi antara keduanya.[60] Bagi Carr, fungsi generalisasi adalah berkait rapat dengan iktibar yang boleh didapati dari sejarah. Dalam kata lain, bagi Carr, sejarah mampu mengajar manusia sesuatu, dan pengajaran itu dapat dikecapi dengan membuat generalisasi. Dengan mengambil pelajaran dari satu peristiwa, dan menggunakannya untuk peristiwa yang lain, kita sebenarnya melakukan generalisasi, sama ada kita sedar atau tidak.[61]

Salah satu hujah mereka yang mengatakan bahawa sejarah tidak dapat mengajar manusia pengajaran adalah kerana sejarah tidak dapat melakukan tilikan perihal apa yang akan berlaku pada masa depan. Bagi Carr, walaupun sejarah tidak mampu membuat tilikan yang tepat pada masa depan, ia tetap mampu mengajar manusia melalui generalisasi. Sejarah tidak dapat menilik peristiwa akan datang kerana setiap peristiwa itu unik dan spesifik, juga ada unsur-unsur kebetulan dalam setiap peristiwa. Menurut Carr, mengkaji manusia merupakan sesuatu yang kompleks, oleh itu, kajian ini tentunya berbeza dengan kajian yang dibuat oleh saintis yang mengkaji objek-objek fizik.[62]

Saya secara peribadi merasakan bahawa soalan "adakah sejarah mampu memberi sebarang pengajaran?" ini tidaklah begitu relevan. Ia mungkin dapat diperdebatkan secara falsafah, tapi dari sudut praktis dan praxis, manusia akan sentiasa mengambil pengajaran dari sejarah, biar pun ada pemikir dan ahli falsafah yang berhujah bahawa ia tidak dapat memberi sebarang pengajaran. Pengajaran dari sejarah ini adalah lumrah

---

[55] Christopher Markiewicz. "History as science: the fifteenth-century debate in Arabic and Persian." *Journal of early modern history 21*, no. 3 (2017): 216-240.
[56] Syed Ahmad Fathi. "Historiografi Astronomi: Paradoks Dalam Pensejarahan Tamadun Barat." *Academia Book Review*, 2023.
[57] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 56.
[58] *Ibid.* 60.
[59] *Ibid.* 62.
[60] *Ibid.* 64-65.
[61] *Ibid.* 66.
[62] *Ibid.* 68-69.

dan fitrah, ia tidak dapat dielakkan. Yang mengambil pengajaran darinya bukan sekadar ahli sejarah, malah sesiapa sahaja yang mahu belajar darinya.

Dalam bidang kajian sains lain, subjek dan objek dapat dipisahkan, ini menjadikan kajian itu lebih objektif dan ruang untuk bersikap bias dapat dikurangkan dengan signifikan. Tetapi sejarah adalah bidang di mana manusia mengkaji manusia, belum ada kajian tentang manusia yang dilakukan oleh spesis lain. Menurut Carr, bukan sahaja manusia mengkaji manusia, tetapi subjek yang dikaji itu adalah sifat manusia yang masih aktif. Oleh kerana itu, jikalau pun dibuat satu tilikan perihal sesuatu yang akan berlaku di masa hadapan, manusia yang ditilik itu akan mendapat amaran awal dan mengubah sifat dan tingkah lakunya, ini akan menjadikan tilikan tadi menjadi salah. Dalam kata lain, kebolehan manusia mengubah tingkahlakunya akan menyebabkan apa-apa tilikan dalam sejarah menjadi sesuatu yang mustahil dapat dilakukan dengan tepat, terutamanya dalam menilik peristiwa yang spesifik. Contoh yang diberikan Carr dalam hal ini adalah tilikan yang dibuat oleh seorang calon pilihanraya berkenaan dengan kemenangannya, ia akan berusaha mengubah keadaan-keadaan yang ada agar tilikannya tadi menjadi kenyataan. Dalam kata lain, penilik itu mampu mempengaruhi tilikannya.[63]

Bagi merapatkan jurang antara dua dikotomi ini, di mana satu kem merasakan sejarah bukan cabang sains, manakala kem berlawanan mengatakan sejarah adalah sebuah sains, Carr berpendapat bahawa ahli sains, saintis sosial, dan juga ahli sejarah sebenarnya semua mengkaji bidang kajian yang sama, iaitu bidang kajian yang mengkaji manusia dan juga alam sekitarnya. Bagaimana manusia mempengaruhi alam, dan bagaimana alam mempengaruhi manusia. Tujuan kajian ini menurut Carr adalah bagi meningkatkan kefahaman dan penguasaan manusia terhadap alam. Setiap bidang kajian mungkin mempunyai metodologi yang berbeza, namun tujuannya sama, iaitu untuk menerangkan sesuatu dengan melontarkan soalan dan juga memberi sebuah jawapan.[64] Metodologi soal jawab bagi saya merupakan metodologi fundamental dalam bidang kajian dan pemikiran, metodologi ini dapat ditelusuri semula hingga kepada ahli falsafah seperti Socrates yang menjadikan metod dialog sebagai metodologi utama dalam mencari makna dan hakikat sesuatu perkara.[65]

Carr memetik kata-kata Henri Poincare yang mengatakan bahawa sains bergerak ke arah kepelbagaian dan menjadi semakin kompleks, dalam masa yang sama, sains juga menuju ke arah kesatuan dan juga menjadi semakin ringkas. Proses yang bersifat berlawanan ini merupakan kandungan asas kepada ilmu. Bagi Carr situasi ini bukan sahaja berlaku kepada sains, tetapi juga sejarah. Sebagaimana yang telah dibahaskan, sejarah cuba menjawab soalan "mengapa?". Kajian terkini perihal ekonomi, sosial, budaya, undang-undang, psikologi, statistik, semuanya meluaskan lagi jawapan kepada soalan pokok yang perlu dijawab oleh ahli sejarah ini.[66]

Pengadilan Moral Dalam Sejarah

Carr membahaskan pemikiran Benedetto Croce dalam persoalan pengadilan moral dalam sejarah. Bagi Croce sejarah bukanlah tempat untuk mengadili manusia-manusia yang telah mati dan tugas ahli sejarah bukanlah sebagai seorang hakim. Orang-orang yang telah mati ini tidak dapat mempertahankan dirinya, oleh itu, tidak adil untuk mereka diadili.[67] Pengadilan moral mungkin dilakukan atas sebab agama, tetapi Carr menolak sebarang makna yang cuba diberikan kepada sejarah dari kuasa-kuasa luar, sama ada kuasa luar tersebut adalah tuhan, atau ruh seperti yang difahami Hegel, sebaliknya bagi Carr sejarah perlu menyelesaikan masalahnya sendiri, tiada kuasa luar yang akan menyelamatkannya, tidak ada *deus ex machina.* Bagi Carr, moral atau perwatakan peribadi karakter dalam sejarah tidaklah begitu penting untuk dilihat dan dikaji melainkan ianya memberi kesan yang signifikan dalam perubahan sejarah.[68]

[63] *Ibid.* 70-71.
[64] *Ibid.* 86.
[65] Syed Ahmad Fathi. "Falsafah Dan Metodologi Argumentasi Socrates." *Jejak Tarbiah*, 2023.
[66] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 90.
[67]*Ibid.,* hlm. 77.
[68] *Ibid.* 75.

Menurut Carr, tidak ada gunanya bagi ahli sejarah untuk memberi pengadilan moral kepada aktor sejarah yang telah lama mati dan tidak memberi kesan kepada dunia hari ini. Penulisan ahli sejarah cenderung melakukan pengadilan moral kepada aktor-aktor yang perlakuan mereka tidak jauh dari masa ketika sejarah itu ditulis. Hal ini kerana, perlakuan mereka masih memberi kesan kepada generasi ketika sejarah itu ditulis. Bagi Carr, pengadilan moral yang sepatutnya dilakukan untuk kita mengambil pengajaran dari sejarah adalah bukan kepada individu, sebaliknya kepada peristiwa, institusi dan polisi. Masyarakat Jerman misalnya, mengalu-alukan kritikan peribadi terhadap Hitler, walhal apa yang diperlukan adalah kritikan terhadap masyarakat yang menghasilkan individu seperti Hitler.[69]

Seperti fakta sejarah yang tidak boleh bercakap sendiri dan memerlukan ahli sejarah untuk menafsirkannya, bagi Carr, setiap tafsiran sejarah itu sentiasa akan melibatkan pengadilan moral atau pengadilan nilai. Sejarah adalah sebuah pergelutan, pasti ada yang menang dan kalah, dan ahli sejarah akan mendapati adanya kesukaran dalam menilai kebaikan sesebuah kemenangan, kerana tentunya ia baik bagi golongan yang menang, manakala golongan yang kalah akan merasakan ia adalah sesuatu yang buruk, atau sebagai musibah yang menimpa mereka. Bagi Carr, dalam hal ini ahli sejarah perlu berhati-hati dan memberikan analisis yang seimbang. Sering kali dalam penulisan sejarah, bagi menjustifikasikan sesuatu yang buruk, ia ditulis sebagai "harga yang perlu dibayar". Contohnya, harga bagi sebuah revolusi mungkin adalah pembunuhan beramai-ramai golongan pemerintah, istana, dan golongan raja. Atau orang peribumi asal yang disisihkan dianggap sebagai "harga yang perlu dibayar" bagi kemajuan dan industri.[70] Disebabkan oleh perkara inilah, dalam sejarah, apabila dikatakan sesuatu itu baik, kata ahli sejarah yang bernama Howard Zinn, kita perlu bertanya, baik itu untuk siapa?[71]

Sejarah adakalanya bersifat kejam, dan ahli sejarah menurut Carr tidak mempunyai jawapan yang konklusif bagi menjawab soalan berkenaan kesengsaraan manusia. Ahli sejarah, seperti juga ahli teologi, akan kembali kepada hujah mudarat yang lebih kecil (*lesser of two evils*). Carr memetik kata-kata Friedrich Engels:

"History is about the most cruel of all goddesses, and she leads her triumphal car over heaps of corpses, not only in war, but also in 'peaceful' economic development.."[72]

Oleh kerana Carr tidak mempercayai adanya kuasa diluar sejarah yang akan menyelamatkan sejarah, dari mana datangnya nilai baik dan jahat? Bagi Carr, ia adalah sesuatu yang abstrak namun merupakan pemikiran yang sangat berguna. Ia sama dengan formula matematik bagi bidang fizik, ia tidak wujud secara realiti namun merupakan alat fikir yang berguna dalam membuat analisa. Formula ini memerlukan data-data untuknya berfungsi, ia tidak berguna jika berdiri sendirian. Begitu juga halnya dengan nilai menurut Carr, nilai baik dan buruk tidak mempunyai sebarang makna sehinggalah ia diberikan data, dalam kata lain, ia diisi dengan konteks. Manusialah menurut Carr yang memberi makna kepada konsep abstak seperti nilai baik dan buruk, ia hanya bermakna selepas diisi dengan konteks sejarah. Dalam proses sejarah ini, konsep nilai itu sendiri dicipta oleh sejarah. [73]

Oleh itu, adalah mustahil untuk mencipta satu piawaian abstrak di luar sejarah bagi mengadili sejarah, nilai sentiasa memerlukan konteks sejarah untuk berfungsi. Cubaan untuk mencipta satu piawaian abstrak di luar sejarah akan melahirkan kontradiksi dengan fitrah sejarah itu sendiri, ia akan memberi jawapan yang dogmatik terhadap persoalan sejarah. Ahli sejarah tidak boleh menerima jawapan sebelum menjalankan kajiannya. Disebabkan tidak ada satu piawaian yang mutlak, kita akan selalu melihat ahli sejarah menulis sejarah dalam terma-terma yang bersifat komparatif seperti 'reaksionari' dan 'progresif', berbanding terma-terma mutlak seperti baik dan buruk.[74] Ahli sejarah tidak dapat menentukan bahawa sesuatu itu baik atau jahat, dia hanya mampu membuat perbandingan antara satu keadaan dengan keadaan di zaman yang lain.

---

[69] *Ibid.* 78.
[70] *Ibid.* 79.
[71] Howard Zinn. *A People's History of the United States.* Harper Perennial Modern Classics, 2015.
[72] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 81.
[73] *Ibid.* 82.
[74] *Ibid.* 83.

Sejarah Sebagai Mekanisma Progres

Menurut Carr, pemikir-pemikir rasional semasa zaman pencerahan merupakan bapa historiografi moden, mereka mengekalkan sudut teleologikal (pandangan bahawa sesuatu fenomena itu mempunyai tujuan) dari tradisi Yahudi-Kristian tetapi mensekularkan tujuan pensejarahan. Dengan itu, sejarah menjadi satu proses yang rasional.[75]

Progres dapat diukur dengan membuat perbandingan antara generasi. Manusia sebagai makhluk yang rasional dapat mengumpulkan ilmu dan pengalaman dari generasi sebelumnya. Sejarah adalah progres dimana skil dan pengetahuan dibawa ke generasi seterusnya. Bagi Carr, progres dalam sejarah tidak boleh difahami sebagai sesuatu yang bersifat terbatas, iaitu memiliki permulaan dan pengakhiran. Carr menolak teori bahawa tamadun itu lahir di Sungai Nile, tamadun tidak dicipta, tetapi ia terbentuk melalui proses pembentukan yang perlahan.[76] Pemikiran seperti ini membawa kepada pemikiran yang salah menurut Carr, terutamanya pemikiran yang dibawakan Hegel bahawa sejarah punya pengakhiran. Pemikiran ini dikembangkan lagi oleh Marx yang membawa idea bahawa pengakhiran sejarah adalah di mana wujudnya masyarakat tanpa kelas. Pemikiran sejarah seperti ini bagi Carr mempunyai unsur eschatologi yang kuat, oleh itu ia lebih sesuai dibahaskan dalam daerah spekulasi teologi, bukan sejarah.[77] Saya kira, jika Carr sempat membaca buku Fukuyama yang pertama kalinya diterbitkan pada tahun 1992, beliau akan mengembangkan lagi kritikannya ini terhadap teori bahawa sejarah mempunyai titik akhir.[78]

Antara aspek progres sejarah adalah kebebasan. Lord Acton sebagai contoh, menyatakan bahawa peristiwa-peristiwa sejarah membawa progres ke arah kebebasan dan juga pemahaman terhadap kebebasan.[79] Progres dalam sejarah bukanlah sebuah garisan linear yang tidak terputus. Sebaliknya, seperti juga kehidupan biasa, progres dalam sejarah mempunyai naik dan surutnya, ada kalanya ia terhenti, terputus, dan terpesong. Malah jika ia terhenti, ia mungkin tidak akan bermula semula di titik yang sama di mana ia terhenti. Carr menolak teori bahawa tamadun itu bersifat kitaran, di mana sesebuah tamadun itu mempunyai kitaran hidup, dari fasa peningkatan, kejatuhan, hinggalah fasa keruntuhan, seperti yang difahami Marx, Hegel, dan Toynbee. Kejatuhan sesebuah tamadun mungkin merupakan permulaan kepada tamadun yang lain. Esensi progres dalam sejarah bukanlah penerusan tamadun dalam pertalian yang tidak pernah putus, sebaliknya ia adalah kebolehan manusia untuk mengambil pengajaran dari generasi sebelumnya.[80]

Bagi Carr, beliau tidak percaya bahawa manusia boleh mencapai kesempurnaan, beliau juga tidak percaya bahawa syurga di dunia seperti yang diidamkan oleh mereka yang mempercayai bahawa sejarah mempunyai pengakhiran dapat direalisasikan. Dalam hal ini, Carr bersetuju dengan golongan teologi dan mistik bahawa sejarah tidak akan boleh menghasilkan kesempurnaan. Bagi Carr, apa yang boleh dicapai oleh sejarah hanyalah progres yang berterusan.[81]

Apakah yang boleh digunakan untuk mengukur kejayaan dalam sejarah? Bagi Carr, untuk kita menentukan apa yang berjaya, ia mestilah diukur dengan ukuran yang praktikal. Sesuatu yang boleh dilaksanakan dalam realiti, bukan hal-hal abstrak sistematik yang kononnya bersifat universal. Apa yang dapat digunakan dan dijayakan dengan praktikal, itulah yang dikira sebagai kejayaan dalam sejarah.[82] Dalam hal ini, ia mirip kepada teori politik realisma yang dipelopori oleh Machiavelli, yang meyakini bahawa apa yang penting adalah apa yang berkesan, bukan apa yang kita rasakan "sepatutnya" berkesan.[83] Kesilapan paling radikal bagi Carr

---

[75] *Ibid.* 110.
[76] *Ibid.* 114.
[77] *Ibid.* 115.
[78] Francis Fukuyama. *The End of History and The Last Man*. Free Press, 2006. (Terbitan pertama tahun 1992).
[79] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 115.
[80] *Ibid.* 116-117.
[81] *Ibid.* 119.
[82] *Ibid.* 127.
[83] Niccolò Machiavelli. *The Prince (Introduction by Regina Barreca)*. Signet, 2008.

adalah mencipta satu piawaian abstrak tentang nilai yang sepatutnya dan dikira baik, kemudian mencela manusia terdahulu menggunakannya.[84]

Namun apa yang berjaya ini, kadang kala tidak begitu jelas dalam sejarah. Ada kalanya sesuatu kegagalan itu merupakan sumbangan utama kepada kejayaan yang lebih besar di masa hadapan. Bagi Carr, sejarah tidak miskin dengan misal-misal bagi situasi di mana *"prophets born before their time"* atau apa yang disebut sebagai *"pregnant failure"* dan *"delayed achievement"*.[85] Dalam leksikonografi politik Malaysia, situasi ini sering disebut sebagai "kemenangan yang tertangguh". Oleh itu, kita perlu menangguhkan penilaian kita dan melihat sejarah dalam skala yang lebih besar dan panjang dalam melakukan pengadilan. Disebabkan kemungkinan ini, objektiviti dalam sejarah bukan berada di masa lalu atau masa kini, tetapi di masa hadapan. Kerana ahli sejarah di masa hadapan dapat melihat sejarah dalam skala yang lebih panjang. Ahli sejarah pada tahun 2050 sebagai contoh, dapat memberikan pengadilan yang lebih objektif berbanding ahli sejarah pada tahun 1880, bukan kerana dia lebih pandai atau lebih baik intelektualnya, tetapi disebabkan kedudukan zaman di mana dia hidup yang membolehkannya melihat skala sejarah yang lebih besar.[86]

Masa Depan Sejarah

E.H. Carr menutup perbahasan perihal apa itu sejarah dengan bab yang bertajuk *The Widening Horizon*, bab ini membahaskan bagaimana manusia moden berinteraksi dengan sejarah dan bagaimana sejarah akan kelihatan di masa hadapan. Bagi Carr, sejarah bermula apabila manusia memikirkan bahawa peredaran masa bukan lagi sekadar kitaran semula jadi seperti perubahan musim dan juga jangka hayat manusia, tetapi sebagai siri peristiwa yang spesifik di mana manusia terlibat di dalamnya dan dapat mempengaruhi peristiwa tersebut. Dalam kata lain, sejarah bermula apabila manusia mempunyai kesedaran sejarah.[87] Setelah sejarah bermula, ia berkembang. Sejarah berkembang dengan berkembangnya kefahaman manusia tentang kebebasan. Hegel sebagai contoh, menulis perihal perubahan ke arah pembebasan, namun tidak diberikan sebarang konteks. Konteksnya kemudian diisi oleh Marx.[88] Dengan konsep dan konteks, manusia mula mencatur sejarah, bukan lagi terlibat di dalamnya tanpa sedar.

Selain Hegel dan Marx, tokoh lain yang membuka ruang baharu untuk perkembangan sejarah adalah Sigmund Freud. Bagi Carr, Freud membuka sebab-sebab perilaku manusia yang dilakukan tanpa sedar untuk dikaji dan diterangkan dengan rasional. Hal ini meluaskan lagi pemahaman manusia tentang dirinya dan juga persekitarannya, sumbangan Freud ini bagi Carr sesuatu yang revolusionari dan progresif buat sejarah. Sumbangan Freud menguatkan lagi apa yang dibawa oleh Marx, ahli sejarah kini bukan sekadar sedar akan kajian sejarah, tetapi turut sedar akan kedudukannya sebagai ahli sejarah, yang membantunya memahami keputusan yang dibuatnya dalam pemilihan tema kajian dan juga tafsirannya terhadap sejarah. Kesannya, ahli sejarah kini sedar bahawa dia tidak dapat memisahkan dirinya dari sejarah yang ditulisnya. Zaman ini adalah zaman kesedaran, ahli sejarah sepatutnya tahu dan sedar apa yang sedang dilakukannya.[89]

Dengan kesedaran baharu ini, manusia bukan sahaja mula mencorak persekitarannya, malah kini, manusia mula mencorakkan dirinya sendiri.[90] Bagi Carr, penyebaran teknologi dan kesedaran ini akan mengubah sejarah dunia, terutamanya apabila ia tersebar ke benua Asia dan Afrika di mana mereka akan terlibat dengan lebih banyak dalam menentukan dan membentuk sejarah dunia.[91] Penyebaran kesedaran ini juga akan menyebabkan sejarah akan menjadi lebih spesifik, bukan lagi tertakluk kepada negara, tetapi kepada kumpulan-kumpulan kecil dan kelas manusia. Dalam kata lain, penyebaran kesedaran mengubah sejarah dari tertumpu kepada golongan elit kepada kumpulan manusia yang lebih kecil.[92] Carr juga berpendapat

[84] E.H. Carr. *What is History?,* hlm. 128.
[85] *Ibid.* 129.
[86] *Ibid.* 130.
[87] *Ibid.* 134.
[88] *Ibid.* 136.
[89] *Ibid.* 139.
[90] *Ibid.* 142.
[91] *Ibid.* 148.
[92] *Ibid.* 148-149.

sejarah Inggeris (negara-negara berbahasa Inggeris) sudah menjadi terlalu tepu, malah sejarah sepatutnya berkembang dan tidak lagi bersifat Euro-sentrik.[93]

Masa depan sejarah menurut Carr adalah perubahan. Ini merupakan asas kepada progres manusia, baik dalam bidang sains mahu pun sejarah. Perubahan perlu dilakukan bukan berbentuk tempelan, tetapi mempersoalkan fundamental-fundamental yang belum pernah dicabar sebelum ini. Logik akal perlu digunakan untuk mencabar sangkaan-sangkaan yang dibuat selama ini. Idea-idea baharu sepatutnya tidak dipandang sebagai radikal dan dicurigai, sebaliknya diraikan dan dikembangkan. Bagi Carr, sekali pun ahli sejarah takut untuk berubah, sejarah akan tetap terus berubah, kerana fitrah bagi sejarah adalah perubahan.[94]

Kesimpulan

Tulisan ini bertujuan untuk mempermudahkan pemahaman pembaca perihal pemikiran sejarah seperti yang dipelopori oleh E.H. Carr dalam makalah tulisannya yang bertajuk *What is History?*. Terutamanya kepada para pelajar sejarah. Hal ini kerana, saya merasakan bahawa penulisan ringkas Carr ini sangat penting untuk difahami oleh pelajar sejarah, namun akses kepadanya tidak begitu luas. Kebanyakan naskhah yang ada adalah dalam bahasa Inggeris, terdapat naskhah terjemahan, namun ia tidak dicetak semula dan hanya berlegar di tangan kolektor buku. Oleh itu tulisan ini cuba mengeluarkan perbahasan-perbahasan penting yang diutarakan oleh Carr perihal sejarah dan falsafah sejarah dalam bahasa Malayu yang ringkas dan mudah difahami. Ia diharapkan dapat menjadi kertas pemula, namun bagi pengkaji yang serius, pada hemat saya, wajar membaca naskhah Carr secara primer. Perbahasan Carr perihal tugas ahli sejarah, metodologi yang perlu digunakan, dikotomi-dikotomi dalam sejarah, isu pengadilan moral dan penyebaban dalam sejarah, sifat sejarah, dan juga masa depan sejarah, semuanya ini merupakan perkara-perkara asas yang perlu dikuasai oleh seorang pelajar sejarah.

[93] *Ibid.* 150-151.
[94] *Ibid.* 155-156.

Bibliografi

Carr, E.H. 1964. *What is History*. Penguin Books.

Fukuyama, Francis. 2006. *The End of History and The Last Man*. Free Press.

Little, Daniel, and Edward N. Zalta (ed.). 2020. "Philosophy of History (Winter 2020 Edition)." *The Stanford Encyclopedia of Philosophy*. November 24. Accessed January 2, 2023. https://plato.stanford.edu/archives/win2020/entries/history/.

Liveley, Genevieve. 2002. "Cleopatra's Nose, Naso and the Science of Chaos." *Greece & Rome 49 no. 1* 27-43.

Machiavelli, Niccolò. 2008. *The Prince (Introduction by Regina Barreca)*. Signet.

Markiewicz, Christopher. 2017. "History as science: the fifteenth-century debate in Arabic and Persian." *Journal of early modern history 21, no. 3* 216-240.

Muhamad Naim Hassan. n.d. "Auguste Comte dan Falsafah Positivisme: Tinjauan dan Kritikan." Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Popper, Karl. 1944. "The Poverty of Historicism, I." *Economica 11, no. 42* 86–103.

Said, Edward W. 1991. *Orientalism: Western Conceptions of the Orient*. Penguin Books.

Syed Ahmad Fathi. 2023. "Falsafah Dan Metodologi Argumentasi Socrates." *Jejak Tarbiah*.

—. 2023. "Historiografi Astronomi: Paradoks Dalam Pensejarahan Tamadun Barat." . Academia Book Review.

—. 2023. "Perihal Penyebaban Dalam Sejarah." *Nota Pengajian Sejarah*.

Zinn, Howard. 2015. *A People's History of the United States*. Harper Perennial Modern Classics.